

## APLIKASI MODEL TEORI AL-WILAYAH: CADANGAN PENYELESAIAN KONFLIK PERUNDANGAN WAKAF DI MALAYSIA

### APPLICATION OF THE AL-WILAYAH THEORY MODEL: PROPOSAL TO SETTLE WAQF LEGISLATIVE CONFLICT IN MALAYSIA

Mohd Ali Muhamad Don<sup>i</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Pasir Gudang,  
81750 Masai, Johor, [73khawarizmi@gmail.com](mailto:73khawarizmi@gmail.com)

| <b>Abstrak</b>  | <b>Abstract</b>  |
|---|--|
| <p><i>Wakaf pernah memainkan peranan signifikan dalam pembangunan ummah. Di Malaysia wakaf turut dimanfaatkan untuk tujuan ibadah dan kemasyarakatan sekali gus memperlihatkan kesedaran untuk berwakaf. Namun terdapat konflik perundangan wakaf antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan pihak yang ingin berwakaf. Ini menimbulkan salah faham sekali gus mendedahkan MAIN kepada tohmahan dan persepsi negatif. Justeru kajian ini meneliti perundangan wakaf di Malaysia selain mencadangkan model teori al-wilayah untuk diaplikasikan dalam pengurusan wakaf. Data kajian diperoleh melalui sesi temu bual dan rujukan literatur yang autentik. Kajian mendapati terdapat konflik perundangan dalam pengurusan wakaf yang berkemungkinan merencatkan perkembangan wakaf di Malaysia. Namun begitu semua pihak boleh memainkan peranan demi menyemarakkan perkembangan wakaf yang pernah cemerlang suatu ketika dahulu.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> wakaf, perundangan wakaf,</p> | <p><i>Waqf has played a significant role in the development of the ummah. In Malaysia, waqf is also used for worship and community purposes, thereby exposing awareness to perform waqf. However there is a legal conflict between the State Islamic Religious Council (SIRC) and those who wish to perform waqf. This raises misunderstandings thus exposing SIRC to negative perceptions among the public. Hence this study examines the waqf legislation in Malaysia as well as recommends the theory of al-wilayah to be applied in the management of waqf. The data were obtained through interview and literature research. The study found that there was a legal conflict in the management of waqf which could potentially tarnish the development of waqf in Malaysia. Nevertheless, all parties can play a role in order to refine the development of waqf which has been established in the early period.</i></p> <p><b>Keywords:</b> waqf, waqf legislation, waqf management and al-wilayah theory models</p> |

*pengurusan wakaf dan model teori al-wilayah*

## PENDAHULUAN

Wakaf adalah amalan filantropi Islam yang mempunyai keunikan tersendiri. Menurut Majalah Islamic Finance News (2012), wakaf adalah "The Sleeping Giant" dalam sistem kewangan Islam yang jika diurus dan dibangunkan dengan sistematik mampu menjana kemajuan ekonomi ummah sejagat sepanjang zaman. Apabila termeterainya hujjah wakaf ia tidak boleh dijual, dihibahkan ataupun diwariskan. Wakaf kekal menjadi milik Allah buat selama-lamanya. Ini jelas di gambarkan menerusi riwayat yang berikut;

Diriwayatkan dari pada Qutaibah bin Sa'id dari pada Muhammad bin Abdullah al-Ansariy dari pada Ibnu 'Auni berkata dikhabarkan kepada ku oleh Nafi' dari pada ibnu Umar ra. bahwasanya Umar bin al-Khattab memperoleh sebidang tanah di Khaybar, lalu dia mendatangi Baginda Nabi SAW dan meminta pendapatnya seraya berkata; Ya Rasulullah, "Saya memperoleh sebidang tanah di Khaybar dan saya tidak pernah memiliki sebarang harta yang lebih berharga dari padanya, lalu apa pendapat mu dalam hal ini. Rasulullah SAW bersabda "Jika engkau ingin maka peganglah asalnya dan sedekahkan manfaatnya". Maka Umar pun mensedekahkannya dengan ketetapan bahawa ia tidak boleh dijual beli tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwarisi. Lalu ia disedekahkan kepada golongan fakir miskin, kaum kerabat, hamba, orang yang berjihad di jalan Allah dan Ibnu sabil serta para tetamu. (Riwayat Bukhari, Muslim dan Ibnu Majah)

Menurut Siti Mashitoh (2001), inilah perbezaan antara wakaf dan amalan *endowment* Barat yang tidak semestinya kekal dan bersifat fleksibel. Malah wakaf dalam Islam adalah usaha *taqarrub* kepada Allah dengan mematuhi garis panduan berwakaf menurut perundangan Islam dan peraturan setempat.

Menurut Enakmen Pentabiran Agama Islam Negeri (EPAIN) di Malaysia Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah *Pemegang Amanah Tunggal Wakaf* dengan ketetapan tiada pihak dibenarkan menguruskan wakaf kecuali dengan kebenaran dan berdaftar di bawah MAIN.

Walau bagaimanapun dalam kertas ini, Penulis hanya membincangkan mengenai asas perundangan wakaf, isu perundangan wakaf di Malaysia dan cadangan aplikasi teori al-wilayah dalam menangani konflik perundangan antara MAIN dan pihak-pihak yang ingin menguruskan sendiri aset yang diwakafkan.

## ASAS PERUNDANGAN WAKAF

Dalam Islam perundangan wakaf dirujuk kepada ayat al-Quran yang menyatakan secara umum tentang kelebihan bersedekah dan menginfakkan harta *fi sabilillah*. Manakala hadis umar adalah antara riwayat khusus yang merujuk kepada pelaksanaan wakaf dalam Islam. Selain itu hukum-hakam wakaf dibina berdasarkan ijtihad dan pandangan ulamak kerana ayat al-Quran tidak menyatakan dengan terperinci mengenai perundangan wakaf. Ia termasuk dalam kategori sedekah dan membelanjakan harta ke jalan Allah. Hal ini menunjukkan hukum syarak bersifat dinamik dan ijtihad para *fuqaha* boleh diterima bagi menjawab isu kontemporari mengenai pengurusan wakaf (Sharifah Zubaidah,2016).

Antara ayat al-Quran yang menjadi rujukan kepada amalan wakaf ialah firman Nya yang bermaksud;

Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnianya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya. (Terjemahan Surah al-Baqarah 2: 261)

Manakala hadis yang dijadikan hujah wakaf ialah riwayat Abu Hurairah yang bermaksud;

Apabila mati anak Adam terputus segala amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat ataupun anak soleh yang mendoakannya. (Hadis riwayat Muslim, Abu Dawud dan al-Nasā'īiy).

Mengenai pengurusan wakaf pula diamanahkan kepada nazir, mutawalli dan qiamiy yang memiliki hak wilayah ataupun pengawasan wakaf (Abd Karim, 1994). Dalam hal ini al-wilayah ke atas harta wakaf bermaksud kuasa pengawasan yang ditetapkan oleh syarak ke atas aset wakaf yang tertentu. Manakala al-wilayah dalam pengurusan wakaf bermaksud kekuasaan yang membenarkan pihak tertentu untuk menjaga aset wakaf, menguruskan segala yang bersangkutan dengan wakaf, menjana keuntungan dan mengagihkan manfaat wakaf kepada benefisiari yang terlibat (al-Hadisiy,2005).

Menurut al-Kabisiy (1977), wilayah wakaf terbahagi kepada ولاية أصلية (hak pengawasan asal) dan ولاية فرعية (hak pengawasan cabang). *Wilayah*

*asliyyah* ialah kuasa pengawasan wakaf yang ditentukan sama ada kepada *wāqif*, *mawquf 'alayh* ataupun kadi. Manakala *wilāyah far'iyyah* ialah kuasa pengawasan yang ditentukan berdasarkan syarat, penggantian (تفويض), perwakilan ( وكل ), wasiat, dan ikrar oleh pemilik *wilāyah asliyyah*.

Ulamak berbeza pendapat mengenai hak *wilāyah asliyyah* dalam pengurusan wakaf. Pendapat yang kuat adalah hak pengawasan wakaf tertakluk kepada pewakaf berdasarkan riwayat al-Syafie dalam *al-Umm* yang menyebutkan;

"Telah memberitahukan kepada aku lebih daripada seorang keluarga Umar dan keluarga Ali bahawa Umar menguruskan wakaf sendiri hingga meninggal dunia, kemudian menyerahkan kepada Hafsah yang menguruskan hingga meninggal dunia. Ali juga menguruskan wakaf sendiri hingga meninggal dunia, kemudian menyerahkan kepada Hassan yang menguruskan hingga meninggal dunia. Fatimah anak Rasulullah SAW menguruskan sedekah hingga meninggal dunia. Menurut al-Nawawiy *wāqif* merupakan orang yang paling dekat dengan harta yang diwakafkan justeru dia lebih layak dan berhak untuk menguruskan (al-Jundiy,2004).

al-Nawawiy (Mu'awwad,t.th.) menegaskan dengan katanya;

حُقُّ تَوْلِيهِ أَمْرِ الْوَقْفِ فِي الْأَصْلِ لِلْوَاقِفِ، فَإِنْ شَرَطَهَا لِنَفْسِهِ، أَوْ لِعَيْرِهِ أَتَبَعَ  
شَرْطَهُ

Maksudnya: hak wilayah wakaf menurut hukum asal tertakluk kepada *wāqif* jika dia mensyaratkan untuk diri sendiri atau diserahkan kepada orang lain yang mana syarat tersebut hendaklah dipatuhi.

Mengenai kedudukan hakim atau pemerintah dalam hak wilayah ke atas wakaf terdapat dua isu yang diperbincangkan oleh para ulamak. Pertama mengenai wilayah hakim ketika ketidaan nazir khas dan kedua wilayah hakim dengan keberadaan nazir khas. Menurut Ibnu Abidin (Abd Mawjud,1994) *jumhur* bersepakat mengatakan hakim atau pemerintah mempunyai hak wilayah wakaf apabila tiada nazir khas yang ditentukan. Ini bersandarkan hadis Nabi Muhammad SAW bermaksud;

Sultan adalah wali bagi sesiapa yang tidak mempunyai wali.  
(Riwayat Abu Dawud).

Menurut al-Suyutiy (1983), *jumhur ulamak bersepakat mengatakan apabila terdapat Nazir Khas maka Hakim/Pemerintah tidak memiliki hak wilayah khas berhujah dengan kaedah fikah yang menyebutkan;*

الولاية الخاصة أقوى من الولاية العامة

Bermaksud: wilayah khas lebih kuat berbanding wilayah am.

Mengenai perundangan wakaf yang dikanunkan di Malaysia, dirujuk pada Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II—Senarai Negeri yang memperuntukkan;

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtaraan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah.”

Selain itu semua Negeri di Malaysia memperuntukkan MAIN adalah *Pemegang Tunggal Wakaf* dalam EPAIN masing-masing. Terdapat juga Negeri yang mengkanunkan enakmen khusus yang lebih terperinci mengenai perundangan wakaf seperti Enakmen Wakaf Selangor 2015, Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2006, Enakmen Wakaf Perak 2015, Enakmen Wakaf Terengganu 2016, Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005. Yang mana enakmen Wakaf bermaksud suatu enakmen bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Menurut Siti Mashitoh, Negeri Johor termasuk yang terawal memperkenalkan enakmen wakaf pada tahun 1973 namun tidak berapa dikenali umum. Ini diikuti dengan pengkanunan Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Enakmen 16 Tahun 2003.

Mengenai Majlis sebagai *Pemegang Amanah Tunggal Wakaf* (PATW), Fasal 89, EPAIN Negeri Johor memperuntukkan;

“Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah. Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal –

(a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;

- (b) semua nazr am; dan
- (c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr 'am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Johor"

Selanjutnya pada Fasal 90, dinyatakan mengenai *Perletakan Harta Wakaf, Nazr Dan Amanah Pada Majlis.*

"(1) Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 89 hendaklah tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik, dan, dalam hal harta tak alih sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazr 'am atau amanah yang menyentuh harta itu.

(2) Tiap-tiap hujjah dan wasiat hendaklah diperbuat di hadapan Nazir Wakaf Daerah, atau disaksikan oleh dua orang yang berkelayakan mengikut hukum Syarak"

Selanjutnya pada Fasal 93 (5) mengenai *Modal Wakaf Dan Nazr* diperuntukkan;

"Segala suratcara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan, atau yang menyentuh mana-mana wakaf atau nazr 'am, beserta dengan mana-mana dokumen hakmilik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis"

Dalam hal ini perundangan wakaf menurut hukum syarak adalah dasar-dasar bersifat umum yang perlu dipatuhi manakala enakmen yang digubal di Malaysia adalah undang-undang pentadbiran yang berasaskan prinsip *siyasah syar'iah* bagi melancarkan pengurusan wakaf setempat.

## ISU PERUNDANGAN WAKAF

Semua enakmen Negeri menetapkan MAIN sebagai PATW. Ini bermaksud sebarang pelaksanaan dan pengurusan wakaf hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada MAIN (Siti Mashitoh,2017). Namun begitu ia sering kali menimbulkan rasa tidak puas hati kepada pihak yang berwakaf sama ada pemegang amanah persendirian ataupun benefesiari di bawah wakaf khas. Peruntukan ini sering dilihat sebagai penghalang kepada pembangunan wakaf di Malaysia (Sharifah Zubaidah,2016).

Tambahan lagi, perundangan dan enakmen wakaf bagi setiap negeri juga berbeza mengikut negeri masing-masing. Maka corak pengurusan wakaf bagi setiap negeri juga turut berbeza. Pusat wakaf Negeri berhadapan dengan masalah pentadbiran yang tidak seragam untuk semua negeri. Penyeragaman perundangan dalam institusi wakaf perlu diambil kira dalam mewujudkan pengurusan yang berkesan. (Rabiatul Hasanah et.al.,2017). Terdapat juga masalah tanah wakaf tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjana pendapatan yang lumayan dan boleh memberi seribu satu manfaat kepada masyarakat dan negara (Rabiatul Hasanah et.al.,2017).

Antara faktor yang menyebabkan berlaku permasalahan tersebut ialah dana kerajaan negeri yang terbatas yang mana merupakan kekangan dalam pembangunan tanah wakaf itu sendiri. Seterusnya ialah pencerobohan tanah wakaf yang membantutkan perkembangan tanah wakaf kepada perkara yang lebih bermanfaat. Terakhir ialah kekangan tenaga profesional yang mana merupakan salah satu sumber manusia yang penting dalam menggerakkan perkembangan tanah wakaf dan segala urusan yang berkaitan. Hal ini menunjukkan terdapat masalah yang berlaku dalam tadbir urus institusi wakaf (Rabiatul Hasanah et.al.,2018).

Maffuza dan Noor Syahida (2014), menggariskan beberapa cabaran dalam pengurusan wakaf iaitu ketidakfahaman masyarakat, ketidakseragaman peruntukan wakaf di Negeri-negeri, harta wakaf tidak bernilai komersial, masalah pencerobohan tanah wakaf, sewaan yang tidak berpatutan, pendaftaran wakaf dan masalah ketiadaan pentadbiran wakaf berpusat.

Menurut Ahmad Ibrahim (1999), isu kritikal berkaitan wakaf sebenarnya bertitik tolak dari polisi kerajaan dan Perlembagaan Malaysia itu sendiri yang telah menjurangkan pengurusan wakaf kepada institusi agama negeri-negeri. Selain itu terdapat konflik perundangan wakaf antara pengurusan wakaf UIAM dan MAIS yang membawa kepada penggunaan istilah *endowment* walaupun pelaksanaannya adalah wakaf. Berdasarkan tembual bersama Partisipan terpilih ada yang mengatakan pengurusan harta wakaf di Malaysia dimonopoli oleh MAIN sehingga tiada pihak yang dibenarkan untuk mengurus wakaf sedangkan wakaf milik Allah SWT. Selain itu dalam konteks wakaf di universiti timbul masalah *peletakhakan* aset wakaf (Mohd. Ali,2016). Menurut Mohd Zaim et.al. (2015) perundangan wakaf sedia ada perlu diperkemas bagi menyemarakkan amalan berwakaf dan kerangka undang-undang wakaf IPT perlu diwujudkan.

Justeru perkara ini penting untuk diteliti kerana menurut Sayuti (2011) tujuan utama pelantikan MAIN sebagai PATW adalah untuk memastikan wakaf ditadbir dengan baik sehingga berjaya menjana pendapatan yang dapat dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan. Malah pelantikan MAIN penting untuk mengelakkan pelbagai masalah yang timbul antaranya pemegang

amanah persendirian yang tidak amanah dan campur tangan ahli waris sehingga menyebabkan kehilangan status wakaf dan menyimpang daripada tujuan asal (Siti Mashitoh,2006). Dengan kuasa itu, MAIN dapat mengurus wakaf dengan lebih berkesan tanpa sebarang sekatan dan halangan daripada mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun, menurut Che Zuina (2010), pengurusan wakaf am dan wakaf khas yang terletak di bawah kuasa eksklusif MAIN tidak mutlak kerana MAIN diberi kuasa untuk membuat perjanjian usaha sama dengan pihak lain bagi menguruskan wakaf selagi tidak bercanggah dengan syarak. MAIN juga berfungsi sebagai pemantau dan penyelaras perancangan (Hasan & Abdullah, 2008).

## APLIKASI MODEL TEORI AL-WILAYAH DALAM PERUNDANGAN WAKAF DI MALAYSIA

EPAIN memperuntukkan MAIN selaku PATW yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir semua harta wakaf di Malaysia. Peruntukan ini bersifat mengikat pengurusan wakaf oleh mana-mana pihak sehingga tiada pihak persendirian dibenarkan mengurus wakaf, kecuali dengan keizinan MAIN. Berdasarkan Buku Manual Pengurusan Peletakan Tanah Wakaf (2010), MAIN adalah pentadbir wakaf yang bertanggungjawab memelihara, membangun dan menguruskan harta wakaf. Ini termasuk mengusahaikan harta tanah, mempertahankan dan mengambil tindakan mahkamah bagi kepentingan wakaf, mengumpul dan mengutip hasil, menuntut sewa bagi harta tanah yang diduduki dan menguruskan pembahagian atau penyerahan hasil wakaf kepada pewaris yang dikhaskan ataupun untuk pelbagai tujuan kebajikan sesuai dengan kedudukannya sebagai emunya hak Wilayah Am.

MAIN juga merupakan ulil amri, yang mana kepatuhan terhadap undang-undang yang digubal termasuk dalam keumuman mentaati Ulil Amri. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud;

“Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Uli-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya” (Terjemahan al-Quran, Surah al-Nisa' 4:59).

Oleh sebab itu punca kuasa kepada pengurusan wakaf di Malaysia mestilah bertitik tolak daripada ketetapan perundangan wakaf yang telah dikanunkan.

Walau bagaimanapun untuk menangani konflik pengurusan wakaf antara MAIN dan pewakaf, penyelesaian menang-menang bersandarkan teori *al-Wilayah molek* diaplikasikan. al-Imam Abu Yusuf (Abu Zahrah,2009) menegaskan;

ان الولاية حق للواقف في حياته سواء شرطها او لم يشترطها وبعد وفاته تكون  
لمن شرطها له باسمه أو وصفه، فإن لم يشترط كانت للوصي فإن لم يوجد كانت  
للحاكم له أن يولي من يراه أهلاً لذلك

Maksudnya: “sesungguhnya hak pengawasan wakaf terletak pada wāqif semasa hayatnya sama ada disyaratkan ataupun tidak. Selepas kematianya tertakluk kepada sesiapa yang ditentukan dengan nama atau sifatnya. Jika tidak disyaratkan tertakluk pula pada wasiy dan jika tiada yang ditentukan tertakluk pada Hakim untuk melantik sesiapa yang berkemahiran untuk mengurus.”

Ini turut disokong oleh Ahmad Zaki (2006) yang mengiktiraf peranan *wāqif* untuk menentukan diri sendiri sebagai pentadbir wakaf ataupun melantik pihak lain menguruskan, termasuklah menyerahkan kepada organisasi ataupun badan tertentu. Menurut Mohammad Tahir (2015) pula, pengurus wakaf mengikut keutamaan terdiri daripada trustee yang dilantik, Mahkamah, Pihak Berkuasa Agama Negeri dan entiti lain. Manakala menurut Hydzulkifli dan Asmak (2015), pemegang amanah wakaf ialah individu tertentu atau badan yang ditubuhkan khas oleh pemerintah untuk mengendalikan pengurusan harta wakaf.


Selain itu terdapat peruntukan dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 yang terpakai untuk maksud pelantikan *wāqif* atau wakilnya sebagai pengurus wakaf. Sek. 4 memperuntukkan bahawa Majlis mempunyai kuasa untuk;

- (a) mewujudkan perbadanan;
- (b) melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana orang untuk menjadi pentadbir atau pengurus dan memegang apa-apa mawquf bagi pihaknya; dan
- (c) mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir atau pengurus dalam keadaan yang mana waqif telah pun melantik pentadbir atau pengurusnya sendiri tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

- (2) Mana-mana pengurus atau pentadbir yang dilantik di bawah perenggan (b) dan (c) hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.
- (3) Majlis boleh menarik balik pengiktirafan pelantikan pentadbir atau pengurus yang dilantik oleh waqif yang pada pendapat Majlis adalah wajar untuk berbuat sedemikian”

Justeru itu, kehendak dan niat *wāqif* dalam melantik pengurus wakaf, yang juga diiktiraf di sisi syarak hendaklah sentiasa diberi keutamaan. Berdasarkan kaedah fikah yang menyebutkan شرط الواقف كنص الشارع maksudnya syarat ataupun kehendak *wāqif* seperti nas syarak yang mengikat pengurusan dana wakaf.

Oleh sebab itu, hak wilayah khas yang di letakkan di bawah bidang kuasa pemerintah yang hanya memiliki hak pengawasan am perlu diperhalusi semula. Kewujudan peruntukan ini telah menyebabkan sesetengah pihak mengguna pakai pelbagai istilah selain wakaf yang mengelirukan. Sehubungan dengan itu Penulis mencadangkan aplikasi teori *al-wilayah* dalam pengurusan wakaf di Malaysia bagi menyelesaikan konflik perundangan yang berlaku. Ini berdasarkan Rajah 1.0 yang berikut;



RAJAH 1.0: Model teori al-wilayah dalam perundangan wakaf

Berdasarkan Rajah di atas, Penulis mencadangkan agar kuasa MAIN sebagai PATW yang diperuntukkan dalam EPAIN di Malaysia dikekalkan tanpa sebarang pindaan dengan cadangan teori *al-wilayah* diaplikasikan dalam pengurusan wakaf oleh institusi. Ia juga tidak melibatkan penggubalan undang-undang yang baharu kerana berdasarkan peruntukan EPAIN Selangor misalnya MAIS boleh memberi kebenaran berdasarkan Sek. 7 (1) (2), (b) dan (c) EPAIN Selangor yang memperuntukkan;

7. (1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1) -

(b) untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk menukuhan atau memperkembang, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan badan badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;

(c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Negeri, atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Negeri;

Walau bagaimanapun berdasarkan teori *al-wilayah*, peranan MAIN selaku *sole trustee* dikhurasukan kepada aspek pemantauan, penggubal undang-undang serta penguatkuasaan terhadap aktiviti wakaf selari dengan kuasa *wilayah am* yang ditetapkan oleh syarak. Dengan itu MAIN boleh menetapkan sebarang peraturan untuk dipatuhi oleh semua pihak yang ingin berwakaf. Kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan tersebut boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana melibatkan harta awam milik Allah SWT. MAIN juga boleh mensyaratkan supaya laporan kewangan tahunan dihantar setiap tahun untuk disemak, diaudit dan disahkan.

Melalui laporan kewangan dan aktiviti wakaf yang dikemukakan, MAIN boleh menegur dan menasihati pihak yang terlibat supaya memperbetulkan sebarang kelemahan dan kekurangan. Ini bagi memastikan hukum syarak dan enakmen wakaf dipatuhi. Begitu pula sebarang masalah yang berkaitan hukum hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri sebagai pihak yang berautoriti untuk mengeluarkan fatwa di Malaysia. Ini bagi memastikan aspek keseragaman hukum yang terpakai kepada semua anggota masyarakat. Bagi merealisasikan tujuan ini, Penulis juga mencadangkan jawatankuasa syarak yang menghimpun pakar dan ahli

akademik terpilih ditubuhkan untuk meneliti aktiviti wakaf menurut hukum syarak sebelum dipanjangkan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dipengerusikan oleh Mufti untuk pengesahan.

Berdasarkan perkembangan semasa kuasa pengurusan wakaf oleh institusi ataupun pihak tertentu sudah mula diiktiraf. Di Negara Brunei, pengurusan wakaf dibahagikan kepada pengurusan wakaf berdaftar yang ditadbir oleh Majlis Ugama Islam dan pengurusan wakaf tidak berdaftar di bawah pengurusan *wāqif* atau *mawquf 'alayh*. Melalui kaedah ini pengurusan wakaf tidak berdaftar seperti kelengkapan, peralatan, derma dan lain-lain dilakukan secara lisan dengan persetujuan/timbang tara antara *wāqif* dan *mawquf 'alayh*. Dengan itu pengurusan wakaf oleh pihak persendirian diiktiraf dan tidak bersalah dengan peruntukan Majlis sebagai PATW bagi semua wakaf am dan khas di Negara Brunei.

Di Singapura pihak MUIS juga melantik Mutawalli persendirian untuk menguruskan wakaf khas, walaupun MUIS adalah pengurus wakaf am dan khas di Singapura. Sebagai contohnya *Muhammadiyah Islamic College Singapore* (MICS) yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Singapura memperkenalkan skim *wakf ad-din* untuk membiayai keperluan pendidikan. MICS diberi kebenaran untuk mengutip dana melalui pelbagai medium dan membangunkan projek pendidikan tinggi. Manakala MUIS tidak terlibat dalam pengurusan madrasah tetapi terlibat dalam pembangunan dan pemurnian kurikulum serta kawalan kualiti guru.

Di Indonesia, pengurusan wakaf oleh Nazir sama ada secara perseorangan, organisasi maupun badan hukum diiktiraf di sisi perundangan Negara melalui peruntukan Bahagian Kelima Pasal 9, Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 41 Tahun 2004. Hukum ini berkuat kuasa apabila Nazir memenuhi persyaratan yang ditetapkan. Pengenalan skim *trust* yang menyerupai wakaf di Barat juga diuruskan oleh pihak persendirian tanpa campur tangan secara langsung oleh pemerintah kecuali bertindak sebagai agensi pengawal selia, mengumpulkan rekod dan maklumat selain memberi sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh institusi terlibat.

Dengan itu organisasi yang menguruskan wakaf boleh diberi kuasa sebagai Pengurus Wakaf Khas yang tertakluk kepada hukum syarak dan enakmen yang digubal. Malah sebarang pelanggaran undang-undang dalam pengurusan dana wakaf di universiti boleh menghilangkan kuasanya sebagai Nazir Khas. MAIN selaku Nazir Am berkuasa memecat dan mengambil alih pengurusan ataupun melantik pihak lain yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan tersebut.

## KESIMPULAN

Majlis Agama Islam Negeri Johor telah melantik Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Tun Hussien Onn sebagai Nazir bagi menguruskan Dana Wakaf Pendidikan masing-masing. Ini berdasarkan konsep perkongsian pengurusan dana wakaf di mana 10% dana wakaf yang dikumpulkan diperuntukan untuk pengurusan universiti, 10% untuk Majlis, 50% untuk aktiviti pegembangan dana dan baki 30% untuk *mauquf alaiyh* iaitu pelajar yang memerlukan (Utusan Malaysia, 6 Dis. 2016).

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan juga telah memberi taraf *Mutawalli* kepada lima buah Institusi Pengajian Tinggi iaitu Universiti Malaya, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Kolej Poly-Tech Mara dan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur bagi mengumpul dana wakaf bagi membiayai keperluan pendidikan di institusi terlibat (Sinar Harian, 2018).

Dengan perkembangan ini diharap lebih banyak MAIN melantik institusi mahupun organisasi tertentu yang berkelayakan untuk menguruskan aset wakaf bagi menyemarakkan lagi aktiviti pewakafan harta di Malaysia. Malah dengan segala pengalaman, kepakaran dan kemudahan yang ada di pihak swasta, aspek pengurusan dana wakaf ini menjadi semakin mudah dan teratur. Selain itu dengan aplikasi model teori *al-wilayah* dalam pengurusan wakaf di Malaysia konflik perundangan dalam pentadbiran wakaf juga dapat di atasi di mana MAIN dan pewakaf boleh memainkan peranan masing-masing dalam mengembangkan potensi wakaf di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. *al-Mufassal fi Ahkām al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Jil. 10. Beirut: Mu'a'sasah al-Risālah. 1994.
- Abdul Mawjud, Adil Ahmad dan Mu'awwad, Ali Muhammad.. pysn. Rad al-Mukhtār 'ala Durri al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Absār li Muhammad Amin al-Syahir bi Ibni Abidin. Jil. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmīyyah. 1994.
- Abu Zahrah, Muhammad. Mukhadārah fi al-Waqf. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi. 2009.
- Ahmad Zaki Abd Latiff Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya Ke arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia. Laporan Kajian IRPA Bil.1/2004. 2006.
- Al-Hadisy, Abdullah bin Soleh. "Wilāyah al-Dawlah 'ala al-Waqf Usūluhā al-Syar'iyyah wa furū'hā al-Amaliyyah". Dibentangkan di Mu'tamar al-Waqf wa al-Qadā', Riyadh: Saudi Arabia pada 21 Mac 2005.

Al-Jundiy, Abdul Karim Samiy. pnyt. al-Muhīt al-Burhāniy fi al-Fiqhi al-Nu'maniy fi al-Fiqhi al-Imām Abī Hanīfah, al-Imam al-'Allamah Burhanuddin Abi al-Ma'āli Mahmud bin Ahmad bin Abdul Aziz Ibn Mazah al-Hanafiy. Jil. 6. Beirut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. 2004.

Al-Kabisiy, Muhammad 'Abid bin Abdullah. Ahkām al-Waqf fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah. Jil. 1. Baghdad: Matba'ah al-Irsyād. 1977.

Al-Suyūtiy, al-Imam Jalaluddin bin Abdul Rahman. al-'Ashbāh wa al-Nazār fi Qawa'id wa furū' Madhab al-Syafi'iyy. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. ١٩٨٣.

Hasan, Z. & Abdullah, M.N. The Investment of Waqf Land as an instrument of Muslims: Economic development in Malaysia. In The Dubai International Conference on Endowments' Investment. 2008.

Hydzulkifli Hashim Omar dan Asmak Ab Rahman. Pembiayaan Pembangunan Harta Wakaf Menggunakan Sukuk. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2015.

Islamic Finance News. The Waqf industry: The sleeping giant of Islamic finance. 26th September 2012. 2012.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Manual Pengurusan Peletakan Tanah Wakaf, Selangor: Najjah One Trading & Services. 2010.

Maffuza binti Salleh dan Noor Syahida binti Abdul Rahman. "Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Satu Tinjauan." Dibentangkan di International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) Kuala Lumpur pada 17 – 18 November 2014. 2014.

Mohd. Ali Muhamad Don. Beberapa Isu Berbangkit Implikasi Pengenalan Skim Wakaf Untuk Pendidikan Tinggi di Malaysia. Dlm. Wakaf Pendidikan Tinggi Prospek Dan Cabaran. Institut Kajian Zakat Malaysia & Akademi Pengajian Islam Kontemporari. Shah Alam, Selangor. 2016.

Mohd Zaim, Muhammad Ikhlas Rosele dan Mohd Anuar Ramli. Pemerksaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. Labuan e-Journal of Muamalat and Society. Vol. 9, (2015). 1-13. 2015.

Mohammad Tahir Sabit Mohammad. Theoretical And Trustees Perspectives On The Establishment Of An Islamic Social (Waqf) Bank. Humanomics, Vol. 31 ISS 1. 2015.

Mu'awwad, Ali Muhammad dan Abdul Mawjud, 'Adil Ahmad. (t.th.) pnyt. Rawdah al-Thālibīn. al-Nawawiy, Abi Zakariya Yahya bin Syaraf. Jil. 3. Beirut: Dār al-Kutūb al-'ilmīyyah.

Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed & Norhanizah Johari. Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah. 2017.

Rabiatul Hasanah Mahmood, S. Shahida, Latifa Bibi Musafar Hameed & Nazifah Mustaffha. 2018. Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. Asian Journal of Accounting and Governance 8: 49–58 (2017) Special Issue ISSN 2180-3838 (<https://doi.org/10.17576/AJAG-2017-08SI-05>).

Sayuti Ab Ghani et.al. Amalan Pendaftaran Tanah Wakaf:Satu Kajian Kes Di Bawah Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia. Dibentangkan di International Conference 2011, Future Education in Global Challenges (ICETA 3), Hotel Garden Palace, Jawa Timur, Indonesia pada 19 April 2011. 2011.

Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader. "Kerangka Undang-undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: KeArah Keseragaman Undang-undang." KANUN, Jurnal Undang-undang Malaysia, Jld. 28, Bil. 1, Januari (2016). ISSN 0128-2670, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016.

Siti Mashitoh Mahamood. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Suatu ulasan menurut perspektif syariah dan undang-undang. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 29(2). 2017.

Siti Mashitoh Mahamood. Perundangan Wakaf Dan Isu-Isu Berbangkit. Dibentangkan di Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, 12-14 Sept. 2006 di Hotel Legend Kuala Lumpur, 2006.

#### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.